

04 FEB 1997

ASLI RANCANG LEBIH BANYAK DIALOG ANTARABANGSA DALAM 1997

KUALA LUMPUR, 4 Feb (Bernama) -- Institut Strategi dan Kepimpinan Asia (ASLI) merancang mengadakan lebih banyak dialog antarabangsa tahun ini bagi mempertingkatkan perkongsian dua hala dan untuk mempromosikan Malaysia sebagai sebuah destinasi pelaburan antarabangsa.

Di dalam surat berita korporatnya yang terbaru, ASLI berkata ia merancang mengadakan dialog antarabangsa di Britain, Kanada, Indonesia, Jepun dan Chile, yang akan merapatkan para pemimpin korporat dari Malaysia dan negara tuan rumah.

ASLI berkata tahun lalu dialog seumpamanya telah diadakan di San Francisco, Washington D.C., Beijing, Manila dan Sydney.

Peserta majlis yang besar pada dialog seumpama itu menunjukkan daya tarikan Malaysia sebagai pusat pelaburan dan reputasi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed di peringkat antarabangsa, katanya.

ASLI juga berkata bahawa ia memasuki tahun 1997 dengan keyakinan yang diperbaharui dan iltizam untuk berusaha ke arah wawasannya menjadi saluran pengetahuan yang terkemuka, menyebarkan idea baru, maklumat yang tepat dan pengetahuan yang bernilai untuk para pembuat dasar di sektor awam dan swasta.

Ia bercadang mencapainya melalui program persidangan dan seminar, Kelab-kelab Keanggotaan CEO, perkhidmatan Perancangan Strategik dan pelbagai Program Pembangunan Sumber Manusia yang menggalakkan pemikiran kepimpinan dan strategik.

ASLI juga telah merancang bagi penerbitan multi-media tahun ini termasuk satu program televisyen.

Pada 1996, ASLI yang merupakan sebuah "pertubuhan bukan untuk keuntungan", mencatatkan hasil lebih RM7 juta, satu peningkatan 52.2 peratus daripada tahun sebelumnya.

Keuntungan itu akan didermakan kepada sebuah Tabung Amanah ASLI, yang tidak mencari keuntungan, yang ditubuhkan tahun lalu. -- BERNAMA

MSL OS/sia